

KHUTBAH JUMAAT

“MERAIH KEBERKATAN LAILATULQADAR” (13 Mac 2026M/ 23 Ramadan 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَوْضَحَ لِعِبَادِهِ طُرُقَ الْهِدَايَةِ، وَيَسَّرَ لَهُمْ أَسْبَابَ النِّجَاةِ وَالْوَقَايَةِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّذِي نَصَرَهُ اللَّهُ بِالْحِمَايَةِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama menghayati dan mengambil iktibar khutbah yang disampaikan ini iaitu : **“Meraih Keberkatan Lailatulqadar.”**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ramadan kian menuju penghujungnya yang pasti akan dirindui oleh setiap orang yang beriman. Kita hendaklah bersyukur kerana dikurniakan kesempatan untuk berada dalam bulan Ramadan yang sangat istimewa pada tahun ini yang penuh dengan keberkatan dan rahmat daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Di dalamnya ada satu

malam yang cukup istimewa dan sangat ditunggu-tunggu oleh orang yang beriman iaitu **Lailatulqadar**. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Qadar, ayat 1-5 :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ. وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ. لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ
مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ. تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ.
سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ.

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami telah menurunkannya di malam al-Qadr. Apakah kamu tahu apa itu malam al-Qadr? Malam al-Qadr adalah lebih baik daripada seribu bulan. (Pada malam tersebut) para malaikat dan al-Ruh (Malaikat Jibrail) turun padanya dengan izin tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Sejahteralah malam tersebut sehingga terbit fajar.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Lailatulqadar bermaksud malam yang memiliki keagungan kerana al-Quran telah diturunkan pada malam tersebut. Pada malam itu, Allah *subhanahu wata'ala* menurunkan pelbagai rahmat, keampunan dan keberkatan kepada orang yang beramal dengan khusyuk dan berdoa dengan penuh keikhlasan. Para malaikat turut turun bersama-sama membawa keberkatan dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala* untuk hamba-hambanya. Allah *subhanahu wata'ala* telah menjanjikan bahawa sesiapa dalam kalangan hamba-Nya yang beribadah bertepatan dengan Lailatulqadar, maka akan dikurniakan ganjaran pahala amalan mereka itu melebihi ibadah yang dilakukan selama

seribu bulan. Justeru, Lailatulqadar ini merupakan satu anugerah tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*.

Sehubungan dengan itu, bermula hari ini hanya tinggal kurang daripada seminggu lagi untuk kita mengejar gandaan pahala yang telah dijanjikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada mereka yang benar-benar ikhlas beribadah sepanjang Ramadan tahun ini. Oleh itu, mimbar menyeru kepada semua, ayuhlah kita bersungguh-sungguh dengan penuh keyakinan untuk berusaha mengejar dan mendapatkan Lailatulqadar ini.

Marilah kita mencontohi Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang sentiasa beriltizam dan bersungguh-sungguh mencari Lailatulqadar sebagaimana hadis daripada Saidatina Aisyah *radiallahu anha* melalui riwayat Imam al-Bukhari *rahimahullah* :

((كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مِئْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ
وَأَيَّقَظَ أَهْلَهُ))

Maksudnya : Adalah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* apabila masuk sepuluh hari terakhir bulan Ramadan, baginda akan mengikat kainnya, menghidupkan malam dengan beribadah dan membangunkan keluarganya untuk sama-sama beribadah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, kita amat bertuah dilahirkan sebagai umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* kerana memperolehi peluang

sebesar ini dalam kehidupan kita. Sedarlah bahawa peluang ini tidak diberikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada umat-umat yang terdahulu.

Sewajarnya teladan yang ditunjukkan oleh junjungan kita Rasullullah *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat Baginda dalam menghayati bulan Ramadan khususnya pada sepuluh malam yang terakhir dijadikan pedoman kepada seluruh umat Islam pada hari ini. Sesungguhnya pedoman yang telah ditunjukkan oleh Baginda jelas memberi gambaran kepada kita bahawa betapa tinggi dan bernilainya detik-detik terakhir Ramadan.

Mudah-mudahan masih belum terlambat untuk kita bersama-sama terus beristiqamah dalam melaksanakan ibadah kita sehingga ke penghujung Ramadan bagi memperoleh lailatul qadar yang telah dijanjikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita. Amin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati pengajaran yang boleh kita jadikan renungan dan panduan :

Pertama : Bulan Ramadan adalah satu bulan mulia yang amat istimewa, dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*.

Kedua : Lailatulqadar yang nilainya lebih baik daripada seribu bulan adalah bukti kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* kepada hamba-Nya.

Ketiga : Tiada jalan mudah untuk mencapai sesuatu kejayaan khususnya mengejar Lailatulqadar melainkan dengan beramal secara bersungguh-sungguh dan istiqamah.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah ad-Dukhan, ayat 3-4 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ ۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ. فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ.

Maksudnya : Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab). (Kami menurunkan al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim cuaca panas dan hujan yang silih berganti ini, khatib menyeru agar kita sentiasa menjaga kesihatan diri dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Selain itu, teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah, solat sunat tarawih dan witr, tadarus al-Quran serta majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرٰهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang

akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepadaMu sepanjang bulan yang agung ini Ya, Allah.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.